

KUALA KEDAH MENDAPAT PERHATIAN KHAS DARI DR. MAHATHIR

Oleh NAZAR ABDUL

ALOR SETAR, Sabtu.— Kuala Kedah yang menghadapi berbagai masalah sosial dan pembangunan kini mendapat perhatian khas dari Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Bellau sendiri melawat kawasan tersebut kelmarin bagi meninjau kemajuan dan masalah-masalah pembangunan kawasan itu.

Datuk Seri Dr. Mahathir memberitahu para pemberita, beliau kurang puas hati dengan pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan di situ.

"Keadaan sampah sarap tidak begitu memuaskan dan tindakan perlu diambil membersihkannya," ujarnya.

Perdana Menteri berkata, banyak jalan-jalan di Kuala Kedah tidak begitu elok dan masih ada kawasan yang tidak mendapat bekalan elektrik.

Bagaimanapun, Datuk Seri Dr. Mahathir gembira kerana keadaan bau busuk di Kuala Kedah telah berkurangan sejak lawatannya ke kawasan itu setahun lalu.

Menurutnya, ketika melawat Kuala Kedah tahun lalu kawasan tersebut sangat busuk disebabkan ikan-ikan baja yang terbiar dan bersepah di jalan-jalan.

Selepas itu, tambahnya, Jawatankuasa Beras dan Barang-barang Keperluan Kuala Kedah diarahkan membersihkan ikan-ikan tersebut dan kesannya bau busuk itu berkurangan.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, keadaan kurang memuaskan di Kuala Kedah mungkin disebabkan oleh berbagai masalah, termasuk masalah peruntukan dan teknikal.

"Saya akan meminta pihak-pihak berkenaan mengatasi masalah-masalah itu," ujarnya.

Ditanya samada kerajaan mempunyai rancangan menjadikan Kuala Kedah sebagai sebuah pelabuhan, beliau berkata, masa ini tidak ada rancangan seperti itu.

Bagaimanapun, tambahnya, Kuala Kedah kini menjadi pelabuhan perikanan dan pusat kegiatan menangkap ikan yang pesat membangun.

Beliau berharap akan dapat maklumat lengkap mengenai masalah-masalah di Kuala Kedah apabila pulang ke Kuala Lumpur nanti dan akan cuba mencari jalan mengatasinya.